

BAB 6.

PANTUN DAN AKHLAK.

6.1. Pengenalan.

Akhlak ialah tingkahlaku yang dipengaruhi oleh nilai-nilai yang diyakini oleh seseorang dan sikap yang menjadi sebahagian daripada keperibadiannya. Nilai-nilai dan sikap itu terpancar daripada konsepsi dan gambarannya terhadap kehidupan. Sebagai seorang muslim, nilai-nilai dan sikap itu terpancar daripada akidahnya, iaitu gambaran tentang kehidupan yang dipegang dan diyakininya.

Kemuliaan dan keutamaan martabat manusia daripada segala makhluk lain terletak kepada beberapa keistimewaan yang Allah swt. kurniakan khusus untuk bani Adam.

Firman Allah swt. yang bermaksud:

" Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia itu dalam sebaik-baik kejadian".

(At-Tiin:4)

" Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:"
Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..."

(Al-Baqarah:30)

Kepentingan akhlak dalam kehidupan dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran menerusi pelbagai pendekatan yang meletakkan al-Quran sebagai sumber pengetahuan mengenai nilai dan akhlak yang paling terang dan jelas. Pendekatan al-Quran dalam menerangkan akhlak yang mulia, bukan pendekatan teoritikal tetapi dalam bentuk konseptual dan penghayatan. Akhlak yang mulia

dan akhlak yang buruk digambarkan dalam perwatakan manusia, dalam sejarah dan dalam realiti kehidupan manusia semasa, al-Quran diturunkan.

Al-Quran menggambarkan bagaimana akidah orang-orang beriman, kelakuan mereka yang mulia dan gambaran kehidupan mereka yang penuh tertib, adil, luhur dan mulia berbanding dengan perwatakan orang kafir dan munafik yang buruk dan merosakkan.

Gambaran mengenai akhlak mulia dan akhlak keji begitu jelas dalam perilaku manusia sepanjang sejarah. Al-Quran juga menggambarkan bagaimana perjuangan para rasul untuk menegakkan nilai-nilai mulia dan murni di dalam kehidupan dan bagaimana mereka ditentang oleh kefasikan, kekufuran dan kemunafikan yang cuba menggagalkan tertegaknya dengan kukuh akhlak yang mulia sebagai teras kehidupan yang luhur dan murni itu.

Firman Allah swt. yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik bagi kamu...”.

(Al-Ahzab:21)

Allah swt. telah memberikan manusia dengan akal yang dapat berfikir dan membezakan antara yang baik dan buruk. Dengan akal ini, manusia bebas memilih dan melakukan sebarang tindakan asalkan tidak bercanggah dengan kehendak syariat.

Firman Allah swt. yang bermaksud:

“ Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan, sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikannya dan rugilah orang yang mengotorinya”.

(Asy-Syams:8-10)

Apabila akal diletakkan oleh Allah sebagai makhluk termulia dan ia hanya dikurniakan kepada manusia, jadi mana-mana manusia yang menjadikan akal sebagai alat dan menggunakannya untuk mendapat petunjuk, mendapat iman, membina akhlak dan panduan dalam kehidupan, maka manusia itulah yang mendapat martabat yang mulia dan tinggi di sisi Allah dan juga di sisi makhluk. Oleh yang demikian, manusia Melayu yang telah mendapat cahaya Islam telah juga mencipta pantun yang membicarakan tentang akhlak manusia muslim.

Pengkaji dapat mengesan beberapa konsep akhlak di dalam pantun kajiannya. Sumber utama pengarang pantun ialah al-Quran, iaitu maksud pantun yang dihasilkan itu menjurus kepada unsur nasihat secara halus dan berhemah sama ada berbentuk suruhan atau larangan. Jadi, apa yang dapat dilihat adalah wujudnya intertekstualiti antara pantun dan al-Quran tentang pengucapan akhlak.

Analisis tentang pantun dan akhlak adalah seperti berikut:

6.2. Analisis data bab Pantun dan Intertekstualiti: Konsep Masa.

Maksud Pantun (lampiran)	Maksud al-Quran (Terjemahan)
<p>Tempatnya lapang udara nyaman, Air mudah kayu pun ada; Masa mati tidak dihebahkan, Sebab itu wajiblah sedia. (no.46)</p> <p>Dari Tembeling hilir ke Pekan, Singgah bermalam di Pulau puyuh; Suruhan Tuhan Disegerakan, Janganlah ditangguh-tangguh. (no.73)</p>	<p>Demi masa, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal Saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran. (103:1-3)</p>

Ayun anak ayun,
Ayun sampai hujung serambi;
Bangun anak bangun,
Jangan tidur meninggi hari.
(no. 83)

Tempat bermain Indera Magindera,
Bersama-sama hulubalang delapan;
Datang masa rebutlah segera,
Jika tidak putus harapan.
(no.106)

Bertentang dengan Air Berbagi,
Dipanggil Tanjung Pangtua;
Masa yang ada dijagai,
Supaya hidup aman sentosa. *
(no.121)

6.3. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Masa.

Melalui analisis tentang konsep masa, prinsip transformasi secara abstrak telah digunakan oleh pengarang, iaitu idea pengarang adalah tentang kepentingan masa kepada manusia. Melalui idea itu disarankan agar manusia sentiasa menghargai masa kerana setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah menepati masa. Sebaliknya jika kita tidak menghargai masa kita akan sentiasa berada di dalam kerugian seperti yang dinyatakan di dalam maksud ayat al-Quran. Allah sentiasa mengingatkan manusia tentang kepentingan masa dalam kehidupan.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Dari Tembeling hilir ke Pekan,
Singgah bermalam di Pulau Puyuh;
Suruhan Tuhan disegerakan,
Janganlah ditangguh-tangguh.
(no.73)

Analisis juga menyaksikan adanya prinsip modifikasi tentang konsep masa di dalam penciptaan pantun. Maksud ayat al-Quran menyatakan manusia sentiasa berada di dalam kerugian jika mengabaikan masa. Sebaliknya di dalam maksud pantun tentang konsep masa itu disarankan agar sentiasa menjaga masa di dalam kehidupan dan masa itu digunakan untuk tujuan amalan kepada Tuhan. Di sini dengan jelas menunjukkan berlakunya proses penyesuaian di dalam teks pantun.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Tempatnya lapang udara nyaman,
Air mudah kayu pun ada;
Masa mati tidak dihebahkan,
Sebab itu wajiblah sedia.

(no.46)

Prinsip haplologi juga digunakan oleh pengarang pantun, iaitu berlakunya pengguguran perkataan, 'kerugian' dan digantikan dengan perkataan yang sesuai sebagai menepati rima dalam pantun. Prinsip haplologi (Kristeva, 1980:101-103) ialah proses kehadiran teks-teks ke dalam sesebuah teks itu, berlaku juga pengguguran bahagian-bahagian tertentu untuk tujuan memberikan keharmonian dan kepuasan dalam penciptaan teks yang baru itu.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Bertentang dengan Air Berbagi,
Dipanggil Tanjung Pangtua;
Masa yang ada dijagai,
Supaya hidup aman sentosa.

(no.121)

6.4. Analisis data bab Pantun dan Intertekstualiti: Konsep ilmu.

Kemumu di dalam semak,
Jatuh melayang selaranya;
Meski ilmu tinggi tegak,
Tidak sembahyang apa gunanya.
(no.55)

Pokok kelapa ditanam berjajr,
Nampak dari tepi pantai;
Barang siapa rajin belajar,
Tentu dia menjadi pandai.
(no.85)

Bintang tujuh sinar berseri,
Bulan purnama datang menerpa;

Ajaran guru hendak dicari,
Mana yang dapat janganlah lupa.
(no.90)

Tetakkan parang ke dahan sena,
Belah buluh taruhkan temu;
Barang kerja takkan sempurna,
Bila tidak menaruh ilmu.
(no.94)

Dayung perahu tuju haluan,
Membawa rokok bersama rempah;
Kalau ilmu tidak diamalkan,
Ibarat pokok tidak berbuah.
(no.97)

Pinang muda dibelah dua,
Manik-manik mati dirambah;
Dari muda sampai tua,
Pengajaran baik jangan diubah.
(no.105)

Ke hulu memotong pagar,
Jangan terpotong batang durian;
Cari guru tempat belajar,
Supaya jangan sesal kemudian.
(no.134)

Dan tatkala dia cukup dewasa Kami
berikan kepadanya hikmah dan ilmu.

(12:22)

...sesungguhnya al-Quran itu diturunkan
dengan ilmu Allah, dan bahawasanya
tidak ada Tuhan selain Dia,...

(11:14)

Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti
keinginan mereka setelah datang ilmu
kepadamu, sesungguhnya kalau kamu
begitu termasuk golongan orang-orang
yang zalim.

(2:145)

dan katakanlah: Ya Tuhanku,
tambahkanilah kepadaku ilmu
pengetahuan.

(20:114)

Di antara manusia ada yang
membantah tentang Allah tanpa ilmu
Pengetahuan dan mengikut setiap
syaitan yang sangat jahat.

(22:3)

6.5. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Ilmu.

Analisis tentang konsep ilmu pula, pengarang telah menggunakan prinsip transformasi secara formal seperti yang dapat dilihat di dalam maksud pantun berikut:

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Bintang tujuh sinar berseri,
Bulan purnama datang menerpa;
Ajaran guru hendak dicari,
Mana yang dapat janganlah lupa.
(no.90)

Ke hulu memotong pagar,
Jangan terpotong batang durian;
Cari guru tempat belajar,
Supaya jangan sesal kemudian.
(no.134)

Maksud al-Quran:

"dan katakanlah: Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan".
(20:114)

Di sini dapat dilihat bahawa prinsip transformasi secara formal wujud dalam pantun. Maksud pantun, kita sebagai manusia di dunia ini diwajibkan menuntut ilmu dan ilmu itu jangan dilupa dalam kehidupan. Maksud al-Quran pula, kita memohon Allah menambahkan ilmu pengetahuan. Jadi, kenyataan daripada maksud al-Quran itu adalah jelas, iaitu kita hendaklah mencari ilmu yang diizinkan Allah di dalam kehidupan di dunia ini.

Prinsip transformasi secara abstrak pula adalah menjurus kepada idea tentang kepentingan ilmu kepada manusia. Pengarang mengambil idea daripada

maksud al-Quran dengan menjelaskan bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan haruslah ada ilmunya termasuk bab sembahyang.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Tetakkan parang ke dahan sena,
Belah buluh taruhkan temu;
Barang kerja takkan sempurna,
Bila tidak menaruh ilmu.

(no.94)

Orang yang bersembahyang tanpa ilmu adalah perbuatan yang sia-sia di sisi Allah. Seterusnya idea yang diambil itu menghubungkan ilmu agama amat dipentingkan kerana ianya bukan sahaja untuk kesejahteraan di dunia tetapi merupakan bekalan di akhirat kelak.

Idea pengarang juga menjelaskan dengan adanya ilmu, kita sentiasa berada di jalan yang benar dan tidak sesat dan mudah digoda syaitan. Islam menyarankan agar umatnya menuntut ilmu dan menggunakan ilmu itu pada tempat yang sewajarnya. Maksud ayat al-Quran telah menjelaskan bahawa al-Quran yang diturunkan Allah itu adalah sumber ilmu yang tidak ternilai kerana ilmu itu datangnya daripada Allah s.w.t.

Sekadar contoh:

Maksud pantun:

Dayung perahu tuju haluan,
Membawa rokok bersama rempah;
Kalau ilmu tidak diamalkan,
Ibarat pokok tidak berbuah.

(no.97)

6.6. Analisis data bab Pantun dan Konsep Riak.

<p>Jangan diraba sarang lebah, Lebah beribu berani mati; Jangan cuba hendak bermegah, Kerana itu perbuatan keji. (no.32)</p> <p>Ke Tanjung menjual bayam, Dayung berlepas sampan terapung; Jangan diikuti resmi ayam, Bertelur sebiji riuh sekampung. (no.139)</p> <p>Cempedak lebat ke pangkal, Masak sebiji di pagi hari; Kalau tidak emas berbungkal, Jangan cuba meninggi diri. (no.143)</p>	<p>Bermegah-megah telah melalaikan kamu, sampai kamu masuk ke dalam kubur. Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu itu. (102:1-3)</p>
--	--

6.7. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Riak.

Analisis tentang tentang konsep riak atau takbur dan suka bermegah-megah, pengarang pantun telah menggunakan prinsip transformasi secara formal dalam penciptaan pantunnya.

Sekadar contoh;

Maksud Pantun:

Jangan diraba sarang lebah,
Lebah beribu berani mati;
Jangan cuba bermegah-megah,
Kerana itu perbuatan keji.
(no.32)

Maksud al-Quran:

Bermegah-megah telah melalaikan kamu, sampai kamu ke dalam kubur. Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu itu).
(102:1-3)

Di sini dapat dilihat bahawa sifat ini merupakan sifat keji dan Allah amat tidak menyukainya. Maksud ayat al-Quran ada menjelaskan bahawa sifat bermegah-megah itu akan melalaikan manusia dan mereka akan menerima akibatnya. Tegasnya sifat ini amat dilarang dalam Islam.

Pengarang juga telah menggunakan prinsip transformasi secara abstrak tentang konsep riak ini, iaitu idea tentang sifat riak melalui maksud ayat al-Quran yang boleh melalaikan manusia. Pengarang menyarankan agar kita jangan bermegah-megah seperti resmi ayam yang bertelur hanya sebiji tetapi riuh sekampung.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Ke Tanjung menjual bayam,
Dayung terlepas sampan terapung;
Jangan ikut resmi ayam,
Bertelur sebiji riuh sekampung.

(no.139)

Demikian juga manusia yang melakukan sedikit kerja atau mendapat sedikit kekayaan diingatkan supaya jangan riak. Di sini dapat dilihat berlakunya cetusan idea pengarang dalam penciptaan pantun, iaitu disesuaikan daripada maksud al-Quran (102:1-3).

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Cempedak lebat ke pangkal,
Masak sebiji di pagi hari;
Kalau tiada emas berbungkal,
Jangan cuba meninggi diri.

(no.143)

6.8. Analisis data bab Pantun dan Konsep Muafakat.

<p>Banyak dilihat jauh berjalan, Lama hidup banyak dirasakan; Kalau kita dalam kerapatan, Marah dan duka jangan dipakai. (no.45)</p> <p>Jika pelita sudah menyala, Bawa ke anjung surung; Kita semua bersaudara, Sama-sama tolong menolong. No.120)</p> <p>-</p> <p>Gunung tahan sama didaki, Sungai Pahang sama direnang; Jikalau semua bersatu hati, Kerja yang payah menjadi senang. (no.118)</p> <p>Hendak berlayar di Teluk Betong, Sambil mencuba labuhkan pukut; Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat. (no.133)</p>	<p>Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan shalat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka. (42:38)</p>
--	--

6.9. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Muafakat.

Analisis tentang konsep muafakat pula, pengarang telah menggunakan prinsip transformasi secara abstrak dalam penciptaan pantunnya. Idea dari maksud al-Quran (42:38) adalah tentang konsep musyawarah dalam segala urusan, iaitu konsep muafakat.

Sekadar contoh:

Maksud pantun;

Hendak berlayar di Teluk Betong,
Sambil mencuba labuhkan pukut;
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat.
(no.133)

Jika pelita sudah menyala,
 Bawa ke anjung surung;
 Kita semua bersaudara,
 Sama-sama tolong menolong.

(no.120)

Konsep muafakat seperti dinyatakan merupakan konsep yang dituntut oleh agama. Kehidupan yang bersatu padu, tolong menolong dan bekerjasama itu merupakan amalan yang dapat meyatupadukan ummah. Konsep jemaah akan mengeratkan tali sirah tularahim sesama insan.

6.10. Analisis data bab Pantun dan Konsep Taat kepada Ibu Bapa dan Suami.

<p>Terang bulan di malam sepi, Cahaya memancar ke pokok kelapa; Hidup di dunia buatlah bakti, Kepada saudara ibu dan bapa. (no.111)</p> <p>Harban Dewa anaknya Zanggi, Rupanya elok manis sebahawa; Jikalau perempuan taatkan laki, Beroleh syurga Jannahtul Mahwa. (no.39)</p> <p>Subur tumbuhnya pohon kelapa, Buahnya banyak bertali-tali; Turutlah kata ibu dan bapa, Takbur jangan sekali-kali. (no.130)</p>	<p>Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) terhadap dua orang ibu bapanya. (46:15)</p> <p>Sebab itu maka wanita-wanita yang saleh ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri di balik pembelakangan suaminya. (4:34)</p>
---	---

6.11. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Taat kepada Ibu Bapa dan Suami.

Mengenai konsep taat kepada ibu bapa, analisis menunjukkan bahawa pengarang telah menggunakan prinsip transformasi secara formal dalam penciptaan pantunnya. Buktinya dapat dilihat di dalam contoh berikut:

Sekadar contoh:

Maksud Pantun:

Terang bulan di malam sepi,
Cahaya memancar ke pokok kelapa;
Hidup di dunia buatlah bakti,
Kepada saudara ibu dan bapa.
(no.111)

Subur tumbuhnya pohon kelapa,
Buahnya banyak bertali-tali;
Turutlah kata ibu dan bapa,
Takbur jangan sekali-kali.
(no.130)

Maksud al-Quran:

'Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) terhadap dua orang ibu bapanya".
(46:15).

Di sini kita lihat bahawa proses pemindahan hampir sepenuhnya daripada maksud al-Quran tersebut.

Analisis juga memperlihatkan proses intertekstualiti berlaku dengan menggunakan prinsip parallel tentang konsep taat kepada ibu bapa ini. Prinsip paralel (Mana Sikana:1998:210), bermaksud berlaku proses persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan sebuah teks yang lain. Maksud al-Quran menyuruh kita berbuat baik kepada ibu bapa dan maksud pantun juga menyuruh kita berbuat bakti (baik) kepada ibu bapa.

Perkataan baik digantikan dengan perkataan bakti itu pula adalah berlakunya proses pengguguran atau prinsip haplologi. Hal ini berlaku kerana inginkan keseragaman bunyi rima hujung dalam pantun.

<p>Pohon pandan pohon berduri, Dipandang amat sedap; Hidup di dunia bahasa dan budi, Serta jua tertib beradab. (no.62)</p> <p>Mari dibantun dengan parang, Berangan besar di dalam padi; Pantun tidak mengata orang, Janganlah syak di dalam hati. (no.87)</p> <p>Pergi ke hulu membawa angsa, Angsa berasal dari seberang; Kalau mahu hidup sempurna, Janganlah dengar umpatan orang. (no.104)</p> <p>Nyiur muda dibuat pengat, Mari makan lalu puasa; Wahai pemuda hendaklah ingat, Kerana mulut badan binasa. (no. 147)</p>	
--	--

6.13. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Mengumpat atau Fitnah.

Melalui analisis tentang konsep mengumpat atau menebar fitnah ini pula, dapat dilihat bahawa berlakunya proses intertekstualiti dengan menggunakan prinsip transformasi secara abstrak. Maksud al-Quran yang menyatakan: "Kecelakaanlah bagi pengumpat lagi pencela,..."(104:1) merupakan kutipan idea bagi pengarang pantun.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Zaman empat satu masa,
 Zaman mula pula dibilang;
 Jangan mengumpat sangat berdosa,
 Iman yang salih habis hilang.
 (no.33)

Idea tersebut antara lain banyak memberikan nasihat terhadap kesan mengumpat dan menyarankan kita agar menjaga tutur kata. Perbuatan mengumpat itu dijelaskan adalah perbuatan keji yang dimurkai Allah.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Pergi ke paya menangguk sepat,
Dapat juga ikan haruan;
Jangan suka duduk mengumpat,
Kerja keji dimurkai Tuhan.
- (no.34)

6.14. Analisis data bab Pantun dan Konsep Sabar.

Hujan lebat kilat menyambar, Hingga nampak pasar dan pekan; Sebarang pekerjaan tekun dan sabar, Apa dihajat Tuhan kurniakan. (no.126)	Dan Allah beserta orang-orang yang sabar. (8:66)
Dari Pulau Tambun ke Pekan, Menggunakan tenaga nelayan; Tekun dan sabar asas kejayaan, Rajin dan usaha kesenangan. (no.128)	Maka bersabarlah, sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. (11:115)

6.15. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Sabar.

Demikian juga tentang konsep sabar yang dijelaskan di dalam maksud pantun. Di sini analisis menunjukkan bahawa proses intertekstualitinya adalah dengan menggunakan prinsip transformasi secara abstrak. Maksud al-Quran; Dan Allah beserta orang-orang yang sabar.(8:66).

Idea atau wacana tentang konsep sabar ini dijadikan sumber ilham di dalam karya pengarang. Maksud pantun menjelaskan bahawa kita disarankan agar bersabar dalam setiap pekerjaan kerana kesabaran itu akhirnya akan membuahkan kejayaan.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Dari Pulau Tambun ke Pekan,
 Menggunakan tenaga nelayan;
 Tekun dan sabar asas kejayaan,
 Rajin dan usaha kesenangan.
 (no.128)

Maksud al-Quran:

“ Maka bersabarlah, sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa”.
 (11:115)

Maksud pantun juga menyatakan bahawa orang yang sabar, Allah akan makbulkan hajatnya. Idea tentang konsep sabar itu dikaitkan dengan perkara-perkara yang baik di dalam maksud pantun yang dicipta itu.

6.16. Analisis data bab Pantun dan Konsep Budi.

<p>Apa guna berkain batik, Kalau tidak dengan sujinya; Apa guna beristeri cantik, kalau tidak dengan budinya. (no.81)</p> <p>Bagaimana aku tak ikat, Kait-kait dengan durinya, Bagaimana aku tak ingat, Orang baik hati budinya. (no.82)</p> <p>Bunga melati bunga didarat, Bunga seroja di tepi kali; Hina besi kerana karat, Hina manusia kerana budi. (no.83)</p>	<p>Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung. (68:4)</p> <p>Kamu sekali-kali tidak sampai kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang Kamu cintai... (3:92)</p>
--	---

6.17. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Budi.

Analisis tentang konsep budi juga memperlihatkan berlakunya proses intertekstualiti dengan menggunakan prinsip modifikasi. Hal ini dapat dibuktikan dengan melihat contoh maksud al-Quran; "Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung" (68:4).

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.

(no.83)

Manakala maksud pantun telah berlaku proses penyesuaian, iaitu pengarang menyatakan bahawa manusia akan tergolong ke dalam orang yang hina jika tidak berbudi pekerti. Golongan ini disamakan dengan besi karat yang tidak berguna. Orang yang baik budinya akan sentiasa dikenang.

Demikian juga kecantikan isteri tidak berguna jika buruk budi pekertinya. Di sini dapat dilihat bahawa prinsip modifikasi ini telah menyaksikan berlakunya proses perubahan dari aspek mesej.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Apa guna berkain batik,
Kalau tidak dengan sujinya;
Apa guna beristeri cantik,
Kalau tidak dengan budinya.

(no.81)

6.18. Analisis data bab Pantun dan Konsep Maruah.

<p>Banyak orang pergi menjala, Menjala udang di dalam parit; Jagalah diri jangan tercela, Rosak nama bangsa terpalit. (no.95)</p> <p>Melangir keris pusaka hikmat, Keris sejarah sejak bahari; Kalau gadis ingin selamat, Jangan murah menjual diri. (no.96)</p> <p>Jangan ditarik lembu garang, - Kalau ditarik banyak susahny; Jangan dirosak anak orang, Kalau dirosak maut padahnya. (no.114)</p>	<p>Sesungguhnya Kami telah menyucikan mereka dengan akhlak yang tinggi.... (38:46)</p> <p>Kamu adalah umat yang terbaik dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. (3:110)</p>
---	---

6.19. Ulasan analisis bab Pantun dan Konsep Maruah.

Akhirnya, analisis bab pantun dan akhlak ini menyentuh tentang konsep maruah seperti yang digambarkan dalam maksud pantun. Di sini berlakunya proses intertekstualiti dengan menggunakan prinsip transformasi secara abstrak.

Maksud al-Quran; "Sesungguhnya Kami telah menyucikan mereka dengan akhlak yang tinggi,..."(38:46). Idea atau wacana ini diambil dan maksud pantun, kita disarankan agar menjaga maruah atau akhlak supaya dapat menjaga nama baik diri dan bangsa. Nasihat yang amat berguna, iaitu jangan menjatuhkan maruah orang lain kerana perbuatan tersebut juga adalah perbuatan yang keji.

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Melangir keris pusaka hikmat,
Keris sejarah sejak bahari;
Kalau gadis ingin selamat,
Jangan murah menjual diri.

(no.96)

Manusia muslim mestilah menjaga maruah dan nilai dirinya kerana mereka merupakan umat yang terbaik dilahirkan demi kesejahteraan manusia sejagat dan alam seluruhnya. Pengiktirafan ini dinyatakan oleh Allah swt. dalam firmannya (3: 110).

Demikianlah beberapa konsep akhlak yang dikaji di dalam pantun. Analisis bab pantun dan akhlak ini jelas bahawa berlakunya proses intertekstualiti di dalam penciptaan pantun keagamaan.

Dari aspek intertekstualiti prinsip transformasi sama ada secara formal atau fizikal dan transformasi secara abstrak, prinsip modifikasi, prinsip haplogi dan prinsip paralel telah dilakukan oleh pengarang pantun dalam berkarya.

Idea tentang konsep-konsep yang berkaitan dengan akhlak manusia ini ditonjolkan melalui maksud pantun memberikan pengajaran yang bermanfaat kepada masyarakatnya. Maksud pantun seperti yang telah dijelaskan mengandungi maksud yang tersurat dan tersirat dan idea ini terhasil daripada sumber al-Quran yang juga menjelaskan tentang konsep-konsep akhlak ini.